

13 JAN 1999

Singapura-Pengarang

ABDULLAH BOLEH BANTU PULIH KESTABILAN

SINGAPURA, 13 Jan (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang baru seharusnya dapat membantu memulihkan kestabilan yang terjejas ekoran pemecatan penyandang jawatan itu sebelum ini, kata Straits Times.

Dalam lidah pengarangnya hari ini, akhbar harian utama Singapura itu berkata Abdullah bukanlah seorang ahli politik yang tidak berpengaruh walaupun terdapat kritikan yang menganggap beliau sebagai "pilihan selamat" yang tidak akan mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Timbalan perdana menteri yang baru itu, yang mempunyai reputasi bersih dan yang mengasah kemahirannya semasa menjadi Menteri Luar, tentulah tidak dapat mengatasi dua ahli politik veteran -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah -- bagi jawatan barunya itu jika beliau ahli politik yang tidak berpengaruh," katanya.

Lidah pengarang itu berkata Abdullah adalah pilihan tepat untuk memulihkan imej Kementerian Dalam Negeri selepas bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dipukul semasa dalam tahanan polis.

Abdullah juga diserahkan portfolio Kementerian Dalam Negeri yang dilepaskan oleh Dr Mahathir dalam rombakan kabinet Malaysia pada Jumaat lepas.

Akhbar itu juga mengalu-alukan pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan dengan menyifatkannya sebagai sesuatu yang bermakna.

"Walaupun dia bukan asing kepada kontroversi, terdapat juga mereka yang menganggap beliau sebagai pengurus ekonomi paling berkebolehan, mungkin sejak Merdeka. Adalah benar bahawa beliau merupakan orang yang bertanggungjawab mengeluarkan Malaysia daripada kemelesetan lepas.

"Pengalaman pertamanya pada masa yang sukar itu memberikan beliau keupayaan untuk membawa perubahan dengan jawatan barunya itu. Dengan harapan tinggi, mereka yang berminat dengan pemulihan Malaysia akan memberi sepenuh perhatian kepada beliau," katanya.

-- BERNAMA

TCL RHM